

Headline	U for Life optimis capai RM200 juta perlindungan insurans		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	24 Sep 2015	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	14
ArticleSize	247 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 14,645		



U for Life optimis capai RM200 juta perlindungan insurans

KUALA LUMPUR 23 Sept. - U for Life Sdn. Bhd., peneraju insurans hayat atas talian, optimis dapat mencapai jumlah perlindungan insurans sebanyak RM200 juta menjelang akhir tahun ini, didorong oleh prestasi membangangkan ketika ini.

Pengurus Besarnya, Iskandar Ezzahuddin berkata, sejak prapelancaran pada Mei lalu, syarikat telah mencatatkan jumlah perlindungan insurans sebanyak RM165 juta; menunjukkan perenerimaan rakyat Malaysia terhadap pembelian insurans hayat atas talian yang semakin meningkat.

Katanya, perkembangan terbabit membuatkan syarikat komited untuk melabur sebanyak RM5 juta dalam masa 12 bulan dari sekarang untuk mengadakan promosi bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan memiliki insurans hayat.

"Keutamaan promosi ini adalah mewujudkan kesedaran kewujudan produk ini di pasaran dan membantu mereka memilih produk yang betul."

"Menurut kajian Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), kebanyakan rakyat Malaysia tidak mempunyai insurans berbanding negara-negara jiran sep-

erti Singapura, Hong Kong, Korea Selatan dan Jepun. Ketika ini, insurans hayat dan takaful keluarga menyediakan perlindungan insurans kepada hanya 55.5 peratus daripada populasi di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran insurans terabit di sini hari ini. Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd., Toi See Jong dan Ahli Lembaga Eksekutif Hannover Re, Claude Chevre.

U for Life adalah insurans hayat atas talian yang diwujudkan hasil kerjasama antara Hannover Re dan Tokio Marine Life Insurance Malaysia.

Sementara itu, Iskandar berkata, U for Life boleh didapati dengan premium serendah RM9.85 sebulan untuk perlindungan sebanyak RM100,000 menawarkan insurans yang ringkas, cepat dan mampu dimiliki pada harga berpatutan.

"Dengan pengukuhan dalam tawaran kami ini, syarikat berharap dapat mencapai lebih banyak penerimaan dalam kalangan rakyat Malaysia dan membantu meningkatkan kadar penempahan insurans sebanyak 75 peratus menjelang 2020," ujarnya.

Headline	U for Life optimis capai RM200 juta perlindungan insurans		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	24 Sep 2015	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	14
ArticleSize	247 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 14,645		



CLAUDE CHEVRE (dua dari kanan), **Toi See Jong** (dua dari kiri) dan **Iskandar Ezzahuddin** (tiga kanan) pada pelancaran insurans U For Life Sdn. Bhd. di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FAUZI BAHRUDIN